

**NO. SOALAN : 69**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YB. TUAN KHOO SOO SEANG  
[TEBRAU]

**TARIKH :** 2 OGOS 2017

**SOALAN :**

**YB. Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah kerajaan merombak semula kriteria minima terhadap perhotelan di Malaysia bagi menentukan kedudukan dan penarafan bintang yang lebih ketat dan juga bagi penentuan yang lebih baik ketika mengenakan cukai berdasarkan kepada bintang.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMAED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini melalui Bahagian Pelesenan Pelancongan telah melaksanakan semakan semula dan membangunkan lima (5) Kriteria Baharu Penarafan Premis Penginapan Pelancong iaitu Hotel Bandar, Hotel Tanah Tinggi, Hotel Resort (Pulau, Pantai, Tasik dan Sungai), Hotel Butik dan Hotel Inovatif.

Sebelum tahun 2017, penarafan premis penginapan pelancongan menggunakan kriteria yang sedia ada sehinggalah Sistem Penarafan Premis Penginapan Pelancongan yang baharu diperkenalkan pada awal tahun 2017. Pembangunan kriteria baharu ini melibatkan kerjasama dan maklum balas dari Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Persatuan Pemilik-Pemilik Hotel Malaysia (MAHO), Persatuan Bajet Hotel Malaysia (MyBHA), Institut Pereka Dalaman Malaysia (MIID), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan serta Tourism Malaysia melalui beberapa siri bengkel yang telah diadakan sejak 2013 hingga 2016. Pembangunan kriteria baharu ini mengambil kira cabaran dan trend industri perhotelan semasa agar penarafan bintang akan lebih objektif, komprehensif dan holistik. Ini merupakan usaha berterusan Kementerian bagi menambah baik dan meningkatkan kualiti perkhidmatan serta fasiliti hotel selari dengan permintaan dan perkembangan industri perhotelan.

Satu majlis pelancaran kriteria baharu ini telah disempurnakan oleh saya sendiri pada 25 Mei 2017 di Tanah Aina Farrah Soraya Eco Resort, Raub, Pahang. Kriteria baharu premis penginapan pelancong ini telah mendapat maklum balas positif daripada semua pihak. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak ada cadangan untuk memperkenalkan sistem penarafan premis penginapan pelancongan yang lain dalam masa yang terdekat memandangkan sistem penarafan yang baru diperkenalkan telah memadai bagi keperluan industri pada masa ini dan tempoh yang ke hadapan.

Sekian, terima kasih.